

287,737 individu sudah lengkapi dos suntikan vaksin COVID-19 - Dr Adham Astro Awani
05 April 2021

KUALA LUMPUR: Seramai 287,737 individu dalam kumpulan fasa pertama Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan telah melengkapkan dos suntikan vaksin mereka setakat semalam, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba.

Beliau berkata bagi tempoh sama, seramai 514,036 individu telah menerima dos pertama, menjadikan jumlah keseluruhan pemberian dos pertama dan kedua vaksin COVID-19 di negara ini sebanyak 801,773.

Menerusi infografik yang dikongsikan di laman Twitter rasminya hari ini, Dr Adham berkata lima negeri menerima suntikan dos pertama vaksin tertinggi ialah Selangor dengan 71,405 diikuti Sarawak (53,598), Perak (50,334), Sabah (46,562) dan Kuala Lumpur (44,925).

Sementara itu, lima negeri yang melengkapkan kedua-dua dos suntikan vaksin COVID-19 tertinggi setakat ini ialah Selangor dengan 35,255 individu, Perak (30,793), Sarawak (27,281), Kuala Lumpur (26,637), dan Sabah (26,563).

Mengenai jumlah pendaftaran program imunisasi itu, sebanyak 7,906,913 atau 32.6 peratus direkodkan dalam tempoh sama dengan Selangor mencatatkan angka tertinggi iaitu 2,155,809 pendaftaran.

Mengikut perancangan program imunisasi berkenaan, tempoh pelaksanaan fasa pertama pemberian vaksin yang bermula Februari hingga bulan ini melibatkan 500,000 anggota barisan hadapan termasuk petugas kesihatan.

Fasa kedua yang dijangka bermula April hingga Ogos tahun ini melibatkan 9.4 juta warga emas berusia 60 tahun ke atas, kumpulan rentan dan orang kurang upaya (OKU) manakala fasa ketiga dijadualkan bermula Mei 2021 hingga Februari 2022

membabitkan individu berusia 18 tahun dan ke atas dengan sasaran kira-kira 13.7 juta orang.

© 2021 Astro AWANI Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/287737-individu-sudah-lengkapi-dos-suntikan-vaksin-covid19-dr-adham-291745>